

**Ucapan Alu-aluan
Muzakarah Cendekiawan Syariah Nusantara Ke-15
7 Julai 2021 (Rabu)
oleh
Prof. Dr. Mohamad Akram Laldin
Tempoh masa: 10 minit**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ، الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ؛

اللَّهُمَّ عَلِّمْنَا مَا يَنْفَعُنَا وَانْفَعْنَا بِمَا عَلَّمْتَنَا إِنَّكَ أَنْتَ عَلَّامُ الْغُيُوبِ؛

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Azman Mokhtar, Ahli Lembaga Pengarah INCEIF,
Yang Berbahagia saudara Adnan Zaylani, Penolong Gabenor Bank Negara,
Yang Berusaha Prof. Dato' Dr Mohd Azmi Omar, Presiden dan Ketua Pegawai
Eksekutif INCEIF, Yang Dihormati Wakil-Wakil dari Negara-Negara Nusantara, Dr.
Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani, Dekan Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam,
UNISSA (BRUNEI), Prof. Madya Dr. Murniati Mukhlisin, Rektor Institut Tazkia
(INDONESIA), Prof. Dr. Zakariya Hama, Timbalan Rektor Hal Ehwal Akademik dan
Penyelidikan dari Universiti Fatoni (THAILAND), Encik Umar Munshi, Pengarah
Urusan Kumpulan, Ethis SINGAPORE, para pembentang, pendiskusi dan para
peserta Muzakarah2021 sekalian.

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan kurnia dan inayah-Nya,
Muzakarah Cendekiawan Syariah Nusantara Ke-15 (MUZAKARAH2021) dapat
dianjurkan sekali lagi pada tahun ini. Walaupun penganjuran ini diadakan secara maya
akibat kekangan fizikal bagi mengelakkan penularan pandemik COVID 19,

kami sebagai penganjur, yakin ia akan tetap mengupayakan pembangunan dan inovasi dalam Syariah serta kewangan Islam.

Seperti yang kita semua maklum, Muzakarah merupakan persidangan tahunan yang dihadiri oleh para alim ulama, Penasihat Syariah, cendekiawan Islam, penggubal dasar serta pengamal dan pakar-pakar kewangan seantero Nusantara. Ia berfungsi sebagai platform bagi menguraikan serta mendalami isu-isu yang berbangkit dalam industri kewangan Islam.

Pada MUZAKARAH2020, kita telah membincangkan beberapa isu-isu Syariah semasa yang dihadapi oleh industri kewangan Islam, khususnya dalam produk-produk inovasi dalam kewangan Islam, kad kredit Islam serta model leverage dalam subsidiari perbankan Islam. Selain itu, MUZAKARAH tersebut telah membincangkan perkembangan serta isu-isu Syariah dalam inovasi teknologi kewangan (Fintech) bagi negara-negara serantau di Nusantara. Isu-isu ini dikupas secara mendalam oleh barisan pakar dan merupakan satu refleksi kepada produk semasa kewangan Islam di samping menekankan kepentingan memacu ke hadapan dengan idea-idea yang inovatif. Ini memastikan kewangan Islam secara keseluruhannya kekal relevan dalam pasaran kewangan global.

Pada tahun ini, Akademi Penyelidikan Syariah Antarabangsa dalam Kewangan Islam (ISRA) menampilkan MUZAKARAH2021 dengan tema “Industri Kewangan Islam Pasca Pandemik: Impak, Cabaran dan Hala Tuju”. Antara topik-topik penting yang akan dibincangkan oleh individu-individu berautoriti dari negara serantau adalah: Industri Perbankan Islam: Isu-Isu dalam Implementasi Moratorium, Pasca Moratorium:

Cabaran dan Hala Tuju, Industri Takaful: Pindaan Klausa Dana Tabarru', *Crowdfunding*: Sumber Kewangan Alternatif Ketika Pandemik, dan Penggunaan Dana Zakat bagi Pembiayaan Asnaf yang Terkesan dengan Pandemik.

Pemilihan tema ini bertepatan dengan krisis ekonomi global masa kini yang berlaku ekoran daripada pandemik COVID-19 yang masih tidak berpenghujung. MUZAKARAH2021 akan mengupas secara mendalam isu-isu yang dihadapi oleh industri kewangan Islam dalam menghadapi pandemik dan bagaimana persoalan fiqh yang timbul ditangani oleh pelbagai pihak termasuk pengawal selia, pakar Syariah dan pengamal industri. Sebagai penganjur, kami mengharapkan perbincangan yang berani, yang juga disertai dengan kesediaan untuk menambah baik segala kekurangan. Kami percaya ini akan mendorong pemain industri kewangan Islam untuk menyediakan produk yang lebih berinovasi untuk dijadikan penanda aras bagi para pemain industri yang lain.

Tuan-Tuan dan Puan- Puan yang dirahmati Allah SWT.

Saya juga ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada Bank Negara Malaysia (BNM), Institusi Sokongan, INCEIF dan Universiti Utara Malaysia (UUM), Ahli Komuniti, Malaysia World's Islamic Finance Marketplace, Rakan aplikasi, I- FIKR atas sokongan yang diberikan kepada penganjuran MUZAKARAH2021. Juga, bagi pihak ISRA, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak penaja iaitu ISRA Consulting yang merupakan Syarikat Perundingan kepada ISRA dan juga pihak ASAS yang sentiasa memberi sokongan padu kepada acara MUZAKARAH.

Tidak dilupakan Rakan Kerjasama kami iaitu, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dari Brunei, Institut Tazkia dari Indonesia, dan Universiti Fatoni dari Thailand yang banyak membantu dalam menjayakan acara ini.

Tidak lupa juga ucapan terima kasih saya kepada ahli jawatankuasa penganjuran MUZAKARAH2021 yang telah bertungkus-lumus menjayakan muzakarah pada kali ini. Semoga usaha kita ini akan dikira sebagai ibadah oleh Allah SWT dan diberikan ganjaran sebaiknya sebagai sumbangan kita kepada agama dan umat dalam memastikan kelangsungan industri kewangan Islam.

Wabillahi al-taufiq walhidayah wassalamu'alaikum wa rahmatullahi wa barakatuh
Terima Kasih.

Prof. Dr. Mohamad Akram Laldin
Pengarah Eksekutif, ISRA